

PERINGATAN

1. Orang Awam

Seseorang pesakit yang pada mulanya dimasukkan ke dalam wad kelas yang lebih rendah dan kemudiannya dipindahkan ke dalam wad kelas yang lebih tinggi atas permintaannya sendiri hendaklah membayar semua caj, selain dari caj wad, bagi wad kelas yang lebih tinggi itu mulai dari hari dia dimasukkan ke dalam hospital.

- *Perintah Fee [Per.] 1982*

1. Kakitangan Kerajaan

Seseorang pegawai atau keluarganya yang meminta untuk dimasukkan ke dalam wad yang lebih tinggi kelasnya daripada yang ia berhak, pegawai atau keluarganya akan dikehendaki membayar cagaran sebagaimana yang dikenakan kepada orang awam. Walaubagaimana pun pegawai atau keluarganya akan terus mendapat rawatan, ubatan atau rawatan-rawatan lain, seperti X-ray atau pembedahan percuma.

- *Perintah Am Bab F Perubatan bagi Kakitangan Kerajaan.*

1. **Pelajar Sekolah

Mana-mana orang yang berumur tidak melebihi 21 tahun dan yang belajar sepenuh masa dalam sesuatu darjah sehingga tingkatan lima.

Pengecualian – dikecualikan daripada membayar apa-apa caj wad, rawatan kepakaran di wad kelas dua jika ada

tempat dan sebagai pesakit luar dengan syarat mengemukakan surat pengenalan daripada Pengetua Sekolahnya.

Sekiranya mereka mahu ditempatkan di wad yang lebih tinggi [Wad Kelas 1] maka mereka perlu menanggung kos wad dan rawatan sepenuhnya [tidak boleh ditolak kos wad kelas 2].

Mulai **08 Julai 2002** pelajar-pelajar **Tingkatan Enam Bantuan Kerajaan** diberi pengecualian bayaran rawatan perubatan/pesakit luar dan caj wad kelas 2.

2. **Pelajar IPTA Dan IPTS

Mana-mana Pelajar IPTA dan IPTS yang berumur bawah 21 tahun, masih di bawah tanggungan di mana ibu bapa adalah seorang kakitangan kerajaan adalah layak menikmati kelayakan yang sama seperti ibu bapa mereka dengan syarat surat jaminan yang lengkap dari **Jabatan** bersama surat dari **IPTA** dan **IPTS** hendaklah dikemukakan semasa pendaftaran dibuat.

Mulai **24 Julai 2002** pelajar-pelajar Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan diberi pengecualian bayaran rawatan perubatan pesakit luar dan caj wad kelas 3.

PERHATIAN

Sila jelaskan Bil Hospital sebaik sahaja anda keluar dari wad.

Semoga anda berpuashati dengan layanan dan perkhidmatan yang kami berikan. Doa kami agar anda semua cepat sembuh.



PROSIDUR KEMASUKAN WAD

HOSPITAL SELAYANG

Tel : 03 61203233

Fax : 03 61202389



Disediakan oleh

Unit Hasil
Hospital Selayang
Leboh Raya Selayang-Kepong
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan.

Selamat Datang Ke Hospital Selayang

dan terima kasih kerana mengunjungi hospital ini untuk mendapat rawatan.

Berikut adalah beberapa maklumat dan prosidur yang perlu anda ketahui untuk proses kemasukan ke wad.

SURAT ARAHAN

Anda diminta hadir pada tarikh dan hari yang telah ditetapkan sepertimana tercatat di dalam Surat Maklumat Mengenai Kemasukkan Wad.

Bagi melincinkan pendaftaran, anda diminta membawa bersama dokumen-dokumen berikut [yang mana berkenaan] :

1. Surat maklumat mengenai kemasukan wad.
2. Surat jaminan yang lengkap dari jabatan anda bertugas [kakitangan kerajaan].
3. Surat jaminan yang lengkap dari syarikat [Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan sahaja].
4. Kad asal dan salinan kad pesara [Pesara Kerajaan].
5. Wang cagaran secukupnya.
6. Surat dari pengetua sekolah bagi pelajar yang masih menuntut hingga ke tingkatan enam.**

Nota

**Penjelasan selanjutnya dimuka sebelah.

CAGARAN HOSPITAL

A. Warga Tempatan

Kelas	Perubatan	Pembedahan	Bersalin & Sakit Puan
	RM	RM	RM
Kelas 1	700.00	1,100.00	800.00
Kelas 2	200.00	400.00	350.00
Kelas 3	20.00	30.00	15.00

B. Warga Asing

Kelas	Perubatan	Pembedahan	Bersalin & Sakit Puan
	RM	RM	RM
Kelas 1	1,400.00	2,200.00	1,400.00
Kelas 2	600.00	1,000.00	1,000.00
Kelas 3	400.00	800.00	800.00

Tuan/puan di wad akan dimaklumkan melalui Surat Tambahan Cagaran dari masa kesemasa sekiranya didapati bil hospital melebihi cagaran.

Sekiranya tuan/puan gagal menjelaskan amaun seperti yang dinyatakan **dalam tempoh 24 jam**, maka tindakan pindah wad ke kelas 3 akan dilakukan. [Perkara 13, 14 [i, ii & iii] Perintah Fee [Perubatan] 1982 adalah berkaitan.

Sila simpan resit **ASAL** bayaran wang cagaran supaya anda dapat menuntut baki caj yang dikenakan semasa keluar wad nanti.

Catatan

Bagi memudahkan proses bayaran balik cagaran [refund] kepada pesakit, **RESIT ASAL** hendaklah dikemukakan dan **PENAMA DI ATAS RESIT SAHAJA** yang boleh menuntut balik bagi cagaran tersebut. Sekiranya **PENAMA** tidak dapat hadir, surat wakil, salinan kad pengenalan penama bersama **RESIT ASAL** hendaklah dikemukakan semasa tuntutan dibuat.

C. Bayaran Harian

Kelas	Warga Tempatan	Warga Asing	K/tangan Kerajaan	Pesara Kerajaan
Kelas 1	RM	RM	RM	RM
1 Katil	80.00	160.00	Percuma	Percuma
2 Katil	60.00	115.00	Percuma	Percuma
4 Katil	40.00	80.00	Percuma	Percuma
Kelas 2	30.00	60.00	Percuma	Percuma
Kelas 3	3.00	40.00	Percuma	Percuma

*Kakitangan kerajaan/pesara diwajibkan membawa Surat Jabatan/Salinan Kad Pesara.

CAJ RAWATAN

A. Pesakit Dalam

Kelas	Warga Tempatan	Warga Asing	K/tangan Kerajaan	Pesara Kerajaan
	RM	RM	RM	RM
Kelas 1	10.00	10.00	Percuma	Percuma
Kelas 2	5.00	10.00	Percuma	Percuma
Kelas 3	Percuma	10.00	Percuma	Percuma

B. Accouchmen Dan Bersalin

Warga Negara	Pembedahan Caesarean	Bersalin Forcep	Bersalin Breech	Bersalin Biasa
	RM	RM	RM	RM
Kelas 1	800.00	400.00	400.00	300.00
Kelas 2	400.00	200.00	200.00	150.00
Kelas 3	100.00	50.00	50.00	10.00

Warga Negara Asing			
Bersalin Biasa	Pembedahan Caesarean	Bersalin Forcep/Breech/ Vacuum	BersalinKe mbar
500.00	1,000.00	600.00	800.00